



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 8 APRIL 2021

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	MAFI PASTI MAKANAN NEGARA TERUS TERJAMIN, HARAKAH DAILY -ONLINE MAFI 60 MINIT BERSAMA TV ALHURAH, HARAKAH DAILY -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	MAQIS SEIZES MARGARINE PRODUCTS FROM IRELAND, NEWS IN BRIEF, NST -11	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4. 5.	IKAN PEMANGSA TIDAK ANCAM HIDUPAN AIR TAWAR, DALAM NEGERI, UM -32 BAU BUSUK BANGKAI IKAN GANGGU PENDUDUK, DALAM NEGERI, UM -32	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6. 7. 8. 9. 10. 11.	LAHIR 200 USAHAWAN PERTANIAN PINTAR, EKONOMI, UM -36 PROGRAM USAHA SAMA AGROBANK, MTDC, NIAGA, KOSMO -38 200 USAHAWAN APLIKASI AMALAN I4.0 PERTANIAN TERIMA DANA RM100,000, OH SEMPUT -ONLINE RM20 JUTA DIPERUNTUKKAN KEPADA 200 USAHAWAN PERTANIAN, ASTRO AWANI -ONLINE AGROBANK, MTDC BEKERJASAMA PERCEPATKAN AMALAN I4.0 KE DALAM SEKTOR PERTANIAN, BERNAMA -ONLINE AGROBANK, MTDC INK MOU TO ACCELERATE IR4.0, CORPORATE MALAYSIA, THE MALAYSIAN RESERVE -6	AGROBANK
12. 13.	INVESTING IN FOOD PRODUCTION, VIEWS, THE STAR -16 'CENDOLAH' MELANCARKAN MINUMAN CENDOL SEDIA MINUM YANG PERTAMA DI MALAYSIA, REVEIW BLOGSPOT.COM -ONLINE	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
14. 15. 16.	MASIH ADA NELAYAN GUNAKAN BUBU NAGA, NASIONAL, BH -14 HARGA MURAH, KAUT HASIL BANYAK DORONG PENGGUNAAN, NASIONAL, BH -15 KAEDAH DIHARAMKAN, PUNCA NEGARA ALAMI KRISIS BEKALAN IKAN, NASIONAL, BH -15	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
17.	JANA DUIT DARIPADA PROJEK KUNYIT, DALAM NEGERI, UM -30	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK)
18. 19.	NOORMALAWATI BERJINAK-JINAK SERTAI INDUSTRI PERIKANAN, NEGARA, KOSMO -11 KAJI SEMULA PROJEK MUSANG KING, NEGERI KEDAH, SH -23	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

MAFI pasti makanan negara terus terjamin



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerima peruntukan sebanyak RM410 juta untuk dimanfaatkan melalui beberapa program dan projek.

Antaranya Program Kebun Komuniti, Projek Pertanian Organik, Program Ladang e-Satelit, Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan dan sebagainya.

Timbalan Menteri Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, kumpulan sasaran program terbabit iaitu petani, penternak dan nelayan.

Katanya golongan berkenaan terus dibantu terutama yang terjejas akibat pandemik Covid-19 melalui Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE), Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana

Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

"Sebanyak 36 inisiatif dirangka di bawah Dana Jaminan Makanan berjumlah RM1 bilion," katanya ada program '60 Minit Bersama MAFI' di TV Alhijrah semalam.

Menurutnya juga kerajaan dalam fasa penggubalan Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0 dan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN).

Kata beliau dijangka DAN 2.0 akan dimuktamad dan dilancarkan pada Mei ini.

Menurutnya juga transformasi sektor agromakanan negara turut dipergiatkan dengan beberapa inisiatif dan insentif kerajaan dalam menjayakan agenda itu.

Beliau juga berkata, MAFI menggalakkan anak-anak muda menceburi bidang pertanian dengan memberi khidmat nasihat teknikal, latihan dan kursus yang dianjurkan secara intensif.

"Geran Agropreneur Muda (GAM) dan Pembiayaan Agro-YES adalah antara inisiatif yang dilaksanakan MAFI.

"Ia sejajar dengan Revolusi Industri 4.0. MAFI juga sedang merangka program-program berteraskan teknik dan teknologi moden serta pintar seperti penggunaan dron diintegrasikan dengan internet of thing (IoT).

"Selain itu pengurusan tanaman melalui aplikasi internet, pengecaman perosak melalui kecerdasan buatan (A.I.) dan sebagainya bagi meningkatkan kecekapan serta mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja," ujarnya.

Beliau juga berharap penjelasan yang dibuat melalui TV Alhijrah memberi pencerahan mengenai usaha-usaha MAFI memastikan sumber bekalan makanan negara terus terjamin. – HARAKAH DAILY 7/4/2021

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

MAFI 60 minit bersama TV Alhijrah



ALHAMDULILLAH. Diberi ruang dan peluang untuk menerangkan beberapa perkara perihal Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam slot '60 Minit Bersama' di TV Alhijrah semalam.

Antara perkara yang dikupas adalah mengenai Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0 dan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) yang kini sedang dalam fasa penggubalan. Dijangka DAN 2.0 akan dimuktamadkan dan dilancarkan pada Mei 2021 insya-Allah.

Selain itu, transformasi dalam sektor agromakanan negara juga turut dikupas. Beberapa inisiatif dan insentif pihak kerajaan dalam menjayakan agenda ini terus dipergiatkan sehingga kini.

MAFI telah menerima peruntukan sebanyak RM410 juta yang dapat dimanfaatkan melalui beberapa program dan projek MAFI seperti Program Kebun Komuniti, Projek Pertanian Organik, Program Ladang e-Satelit, Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan dan sebagainya.

Kumpulan sasar iaitu petani, penternak dan nelayan terus dibantu terutama yang terjejas akibat pandemik COVID-19 melalui Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE), Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang mana 36 inisiatif telah dirangka di bawah Dana Jaminan Makanan berjumlah RM1 bilion.

Bagi golongan belia pula, Geran Agropreneur Muda (GAM) dan Pembiayaan Agro-YES adalah di antara inisiatif yang dibuat oleh MAFI untuk menggalakkan anak muda menceburi bidang pertanian selain khidmat nasihat teknikal dan latihan atau kursus yang dianjurkan secara intensif.

Sejajar dengan Revolusi Industri 4.0, MAFI juga sedang merangka program-program berteraskan teknik dan teknologi moden atau pintar seperti penggunaan dron yang diintegrasikan dengan internet of thing (IoT), pengurusan tanaman melalui aplikasi internet, pengecaman perosak melalui kecerdasan buatan (A.I.) dan sebagainya bagi meningkatkan kecekapan serta mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja. Terima kasih kepada pihak TV Alhijrah di atas ruang yang diberikan.

Diharap kupasan dan penerangan yang diberikan semalam dapat memberi pencerahan tentang usaha-usaha MAFI dalam memastikan sumber bekalan makanan negara terus terjamin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2021	NST	NEWS IN BIREF	11

Maqis seizes margarine products from Ireland

SHAH ALAM: The Malaysian Quarantine and Inspection Services (Maqis) Department seized 7,824kg of margarine dairy products from Ireland, valued at RM116,211, because the documents on their import permits were confusing. Selangor Maqis director Zamri Hisham said the consignment was seized during a routine inspection at 10am on Monday. He said the consignment was confiscated as it was found to have breached Section 13 of the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 for submitting a permit that was false, inaccurate or confusing. Offenders could be fined a maximum of RM50,000 or imprisonment for up to two years or both, upon conviction, he added. **Bernama**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Ikan pemangsa tidakancam hidupan air tawar

TELUK INTAN: Nelayan darat di sini percaya ikan pemangsa, jenis baung ekor merah yang terlepas ke dalam Sungai Perak dalam kejadian sangkar pecah minggu lalu tidak akan menjejaskan hidupan air tawar yang lain di kawasan ini.

Ini berikutan wujud kebimbangan ikan pemangsa berkenaan akan menyebabkan ikan dan udang galah di kawasan ini berkurangan disebabkan ikan baung merah dikatakan menjadikan spesies lain sebagai mangsa.

Ketua Jaringan Perikanan Persatuan Pengail-Pengail Melayu Daerah Hilir Perak, Sayed Azman Sayed Ahmad, berkata, andaian ikan pemangsa itu akan memakan hidupan air tawar yang lain sehingga menyebabkan kepupusan tidak benar.

Berdasarkan pengalamannya, ikan baung itu bukan menghuni kawasan tengah sungai sebaliknya hanya hidup di tepi sungai dan mudah dipancing.

"Ikan baung merah ini sebenarnya adalah ikan kolam berbayar, mudah dipancing sebab itu ramai pemancing dapat ikan ini apabila memancing di kawasan ini sekarang.

"Andaian ikan baung merah akan memusnahkan hidupan air tawar tidak benar," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, Jabatan Perikanan Perak percaya pemilik sangkar ikan yang pecah akibat dibanjutkan arus deras Sungai Perak dalam kejadian di sini baru-baru ini, menternak ikan baung ekor merah tanpa permit.

Pengarahnya, Zaki Mokri berkata, ikan baung ekor merah yang dikenali sebagai ikan pemangsa itu dipercayai ditemak secara haram bersama ikan air tawar lain merangkumi pelbagai jenis ikan-ikan tempatan.

6/4/2021

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

32

Bau busuk bangkai ikan ganggu penduduk

Cheh AIN SAFRE BIDIN

utusannews@mediamail.com.my

TELUK INTAN: Penduduk di Kampung Batak Rabit di sini terpaksa menghidu bau bangkai ikan dari sangkar termakan yang pecah akibat dihanyutkan arus deras dalam kejadian minggu lalu.

Sangkar ikan berkenaan hanyut di Sungai Perak sehingga ke kawasan berdekatan rumah mereka di kampung tersebut yang dihuni kira-kira 50 penduduk.

Selain bangkai ikan, besi dan tong sangkar turut dihanyutkan ke kawasan itu dan masih tersangkut di belakang rumah mereka.

Seorang penduduk, **Mohamad Ikmal Hisyam Mohamad Puzali**, 25, berkata, sejak minggu lalu, beberapa sangkar hanyut sehingga di bahagian belakang rumah mereka yang terletak di tebing Sungai Perak.

Menurutnya, bangkai ikan berkenaan semakmud membusuk sehingga penduduk terpaksa menghidu bau busuk sepanjang hari.

"Kami nak makan pun tak boleh, hilang selera sebab bau



PENDUDUK menunjukkan sangkar pecah yang hanyut sehingga ke penempatan mereka di Kampung Batak Rabit di Teluk Intan, semalam. - **UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN**

bangkai yang kuat sangat," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Selain itu, katanya, besi dan tong sangkar yang tersangkut menyebabkan penduduk yang bekerja sebagai nelayan sukar untuk ke sungai memasang bebat dan memancing.

Seorang lagi penduduk, **Kintan Uda**, 80, berkata, penduduk bimbang bangkai ikan yang tidak dibersihkan akan mendatangkan penyakit.

Dalam kejadian minggu lalu, seorang penternak ikan sangkar Heng Zhi Yong mendakwa kerugian hampir RM7 juta selepas

280 sangkar termakannya pecah dihanyutkan arus deras Sungai Perak.

Zhi Yong berkata, hampir kesemua termakannya kira-kira 500 tan metrik terlepas ke dalam sungai manakala sebahagian besar daripada 280 buah sangkarnya musnah.

Lahir 200 usahawan pertanian pintar

PUTRAJAYA: Seramai 200 usahawan pertanian teknologi pintar bakal dilahirkan menerusi program kolaborasi antara Agrobank dan Malaysian Technology Development Corp. (MTDC).

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Khandee berkata, setiap peserta dalam fasa pertama tersebut akan menerima pembiayaan maksimum RM100,000.

"Menerusi kerjasama ini, peserta daripada sektor pertanian yang dikenal pasti MTDC akan menerima pembiayaan kewangan daripada Agrobank yang berjumlah RM20 juta," katanya dalam sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian pemeteraian persefahaman kolaborasi antara Agrobank dan MTDC di sini, semalam.

Agrobank diwakili oleh Pengerusi Tugas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Khadijah Iskandar manakala MTDC diwakili Ketua Eksekutifnya, Datuk Norhalim Yunus.



RONALD Khandee (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian persefahaman antara Khadijah Iskandar dan Norhalim Yunus di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Mengulas lanjut, Ronald berkata, usahawan terlibat akan dibimbing dan diberikan bantuan teknikal menerusi cabang MTDC, Technopreneur Training Academy (Tentra) untuk latihan.

"Meraka juga dibantu Centre of 9 Pillars (Co9P) di MTDC bersama jurulatih berpengalaman bagi setiap latihan dan keperluan

solusi amalan teknologi revolusi industri 4.0," jelas beliau.

Inisiatif terbaharu itu ujarnya, sejajar amalan pertanian moden dan pintar masa depan dengan bakal usahawan akan diperkenalkan kepada penggunaan robot dan teknologi automasi.

Langkah tersebut kata beliau, bukan sahaja menjimatkan kos

operasi, malah dapat membaritu peserta menguruskan pemia-gaan lebih baik dengan hasil yang produktif dan mampan.

Pada masa sama, beliau berharap, golongan belia yang berminat dalam sektor pertanian agar segera merebut peluang disediakan Kementerian itu menerusi pelbagai skim Agrobank.



KIANDEE (tengah) menyaksikan Khadijah bertukar dokumen MoU dengan Norhalim (kanan) di Putrajaya semalam.

Program usaha sama AgroBank, MTDC

PUTRAJAYA – Program kerjasama antara Agrobank dan Malaysian Technology Development Corp. (MTDC) bakal melahirkan kira-kira 200 usahawan pertanian teknologi pintar.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Khandeepi berkata, setiap peserta dalam fasa pertama akan menerima pembiayaan maksimum RM100,000.

“Menerusi kerjasama ini, peserta daripada sektor pertanian yang dikenal pasti MTDC juga akan menerima pembiayaan kewangan daripada Agrobank berjumlah RM20 juta,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman kerjasama antara Agrobank dengan MTDC di sini semalam.

Agrobank diwakili oleh Penanggung Tugas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Khadijah Iskandar, manakala MTDC diwakili Ketua Eksekutifnya, Datuk Norhalim Yunus.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, usahawan terlibat akan dibimbing dan diberikan bantuan teknikal menerusi cabang MTDC, Technopreneur

Training Academy (Tentra) untuk latihan.

“Mereka juga dibantu oleh Centre of 9 Pillars (Co9P) di MTDC bersama jurulatih berpengalaman bagi setiap latihan dan keperluan solusi amalan teknologi revolusi industri 4.0,” jelas beliau.

Khandeepi menerangkan, inisiatif terbaharu itu bersesuaian dengan amalan pertanian pintar dan moden yang akan diperkenalkan kepada bakal usahawan menggunakan robot dan teknologi automasi.

Jelas beliau, langkah tersebut bukan sahaja menjimatkan kos operasi, malah dapat membantu peserta menguruskan perniagaan lebih baik dengan meraih hasil yang produktif dan mampan.

Pada masa sama, beliau berharap, golongan beliau yang berminat dalam sektor pertanian segera merebut peluang disediakan Kementerian itu menerusi pelbagai skim Agrobank.

“Walaupun berdepan pelbagai cabaran global seperti perubahan cuaca dan kekurangan sumber, prospek pertanian sebenarnya masih positif untuk dekad seterusnya,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2021	OH SEMPUT	ONLINE	

200 usahawan aplikasi amalan i4.0 pertanian terima dana RM100,000



PUTRAJAYA, 25 Syaaban 1442H, Rabu – Seramai 200 usahawan pertanian yang berpotensi mengaplikasi pertanian moden dan pintar selaras amalan teknologi industri 4.0 (i4.0) akan menerima pembiayaan kewangan maksimum RM100,000 seorang, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) diberi peranan mengenal pasti usahawan-usahawan berkenaan untuk dibimbing, dilatih dan diberikan bantuan teknikal bagi merencanakan lagi i4.0 dalam sektor pertanian, manakala Agrobank pula menyediakan pembiayaan kewangan RM20 juta.

Katanya usahawan terpilih akan dibimbing menerusi cabang akademi MTDC seperti Technopreneur Training Academy (TENTRA) untuk latihan keusahawanan dan Centre of 9 Pillars (Co9P) untuk

kemudahan latihan bersama jurulatih berpengalaman bagi setiap latihan dan keperluan solusi i4.0.

"Pendekatan ini dibuat oleh kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan dalam bidang pertanian yang bertatrabelakangkan kepada penggunaan teknologi.

"Kita harap agar anak muda mengambil manfaat dan peluang dengan dana RM20 juta yang dibuat khusus untuk lahirkan usahawan pertanian moden," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara Agrobank dan MTDC di sini hari ini.

Agrobank diwakili oleh Penanggung Tugas Presiden atau Ketua Pegawai Eksekutifnya iaitu Khadijah Iskandar manakala MTDC diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Norhalim Yunus.

Mengulas lanjut, Ronald berkata pelbagai bentuk latihan termasuk sesi perkongsian ilmu bakal dikendalikan oleh Agrobank dan MTDC untuk merencanakan lagi penggunaan teknologi industri 4.0 dalam kalangan usahawan.

"Amalan teknologi moden dan pintar bakal menjadi masa depan di landskap sektor pertanian, dan saya gembira kerana akhirnya visi ini akan direalisasikan menerusi kerjasama ini bagi menyokong pembangunan industri pertanian," katanya.

Katanya usahawan akan diperkenalkan kepada penggunaan robot dalam amalan pertanian pintar yang bukan sahaja menjimatkan kos operasi malah membantu menguruskan perniagaan yang dengan lebih baik.

"Pertanian pintar mempunyai potensi besar untuk menyediakan hasil pertanian yang lebih produktif dan secara mampan," kata Ronald.

Sementara itu Norhalim berkata penggunaan teknologi akan menarik golongan muda untuk menjadi usahawan dalam sektor pertanian.

"MTDC akan mengenal pasti usahawan yang layak dan kita akan beri bimbingan tentang bagaimana mereka perlu menguruskan tanaman bermula daripada pemilihan benih sehingga cara menjual produk yang dihasilkan," katanya. – Bernama

Penafian: Kenyataan berita atau artikel ini adalah pandangan peribadi penulis dan tidak mewakili pendirian rasmi Media Isma Sdn Bhd atau Portal Islam dan Melayu Ismaweb.net.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

RM20 juta diperuntukkan kepada 200 usahawan pertanian



Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, kolaborasi antara MTDC dan Agrobank akan menyediakan kewangan sebanyak RM20 juta kepada usahawan-usahawan sektor pertanian yang dikenal pasti.

- Gambar fail

PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memperuntukkan RM20 juta kepada 200 usahawan dalam merealisasikan pengaplikasian amalan moden dan pintar dalam sektor pertanian.

Ekoran itu, Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) dan Agrobank pada Rabu memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) sebagai kerjasama untuk mempromosikan program pembangunan usahawan bagi tujuan merencanakan amalan teknologi industri 4.0 di sektor pertanian.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, menerusi kolaborasi itu, Agrobank akan menyediakan kewangan sebanyak RM20 juta kepada usahawan-usahawan sektor pertanian yang dikenal pasti MTDC.

"Ini adalah satu lagi pendekatan kerajaan untuk melahirkan lebih banyak usahawan dalam bidang pertanian berlatarbelakangkan penggunaan teknologi dalam mengaplikasikan industri 4.0 dalam pertanian.

"Setiap usahawan akan menerima pembiayaan maksimum sehingga RM100,000," katanya dalam sidang media selepas menyaksikan majlis menandatangani MoU di sini, pada Rabu.

MTDC diwakili Ketua Eksekutifnya, Datuk Norhalim Yunus sementara Agrobank diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Khadijah Iskandar.

Sementara itu, Norhalim berkata, MTDC menyediakan pelbagai latihan termasuk perkongsian ilmu pemasaran dalam melahirkan lebih ramai usahawan muda.

"Sebenarnya program ini merangkumi dari pembangunan sistem, latihan sehingga penjualan.

"Menerusi program ini juga, kita akan membantu usahawan untuk menerima bantuan daripada Agrobank.

"Kadang-kala isunya kita boleh hasilkan, tapi tidak boleh menjual, jadi kita akan bekerjasama untuk menjual sekali," katanya.

Beliau memberitahu, ia juga merupakan satu program untuk mewujudkan usahawan baharu yang menggunakan teknologi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2021	BERNAMA	ONLINE	

Agrobank, MTDC bekerjasama percepatkan Amalan I4.0 ke dalam sektor pertanian



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (tengah) menyaksikan majlis pertukaran dokumen perjanjian persefahaman antara Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) yang diwakili oleh Ketua Eksekutifnya, Datuk Norhalim Yunus (tiga, kanan) dengan Agrobank diwakili Ketua Pegawai Eksekutif, Khedijah Iskandar (tiga, kiri) untuk kolaborasi dan mempromosikan program pembangunan usahawan bagi merencanakan amalan teknologi industri 4.0 sektor pertanian di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan hari ini. Turut menyaksikan, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmed Hamzah (dua, kiri), Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Datuk Haslina Abdul Hamid (dua, kanan), Pengerusi MTDC Tan Sri Abd Rahman Mamat (kanan) dan Pengerusi Agrobank, Datuk Mustapha Buang (kiri).

KUALA LUMPUR, 7 April – Agrobank dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) hari ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk bekerjasama serta mempromosikan program pembangunan usahawan dan seterusnya mempercepatkan amalan teknologi Industri 4.0 (i4.0) ke dalam sektor pertanian Malaysia.

Melalui kerjasama ini, Agrobank akan menyediakan pembiayaan kewangan sebanyak RM20 juta kepada 200 usahawan berkaitan sektor pertanian yang dikenal pasti oleh MTDC bagi memulakan fasa pertama inisiatif program pembangunan usahawan itu.

"Setiap usahawan akan menerima dana berjumlah RM100,000 maksimum," kata Agrobank dan MTDC dalam satu kenyataan bersama hari ini.

Usahawan yang dikenal pasti akan dipandu, dilatih termasuk akan menerima bantuan teknikal melalui penyedia teknikal MTDC iaitu Akademi Latihan Usahawan Teknologi (TENTRA) dalam menyediakan latihan keusahawanan, manakala Pusat 9 Tonggak MTDC (Co9P) akan menghubungkan usahawan dengan pengajar yang berpengalaman untuk semua latihan dan keperluan penyelesaian i4.0.

Bagi pemeteraian MoU yang menandakan kerjasama itu, Khadijah Iskandar yang mewakili Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Agrobank telah menurunkan tandatangan, yang mana, MTDC diwakili Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Norhalim Yunus serta disaksikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Klandee, Pengerusi Agrobank Datuk Mustapha Buang serta Pengerusi MTDC Tan Sri Abd Rahman Mamat.

Menurut Ronald, kerjasama antara Agrobank dan MTDC adalah gabungan terbaik dalam merealisasikan wawasan i4.0 dengan amalan pertanian pintar dan moden dalam sektor pertanian.

Katanya, pelbagai latihan termasuk acara perkongsian ilmu yang akan dianjurkan antara kedua-dua entiti itu diharap dapat mempercepatkan penggunaan teknologi i4.0 khususnya dalam bidang pertanian moden serta pintar dalam kalangan pengusaha.

"Amalan pertanian pintar dan moden telah diramalkan sebagai masa depan baharu dalam spektrum pertanian tempatan. Saya gembira wawasan ini direalisasikan melalui kerjasama ini bagi tujuan menyokong industri pertanian.

"Usahawan akan diperkenalkan kepada penggunaan robot dalam pertanian pintar yang akan membawa kepada pengurusan yang lebih baik termasuk pengurangan kos operasi. Pertanian pintar berpotensi untuk menyampaikan bentuk pengeluaran pertanian yang lebih produktif dan mampan," katanya.

Sementara itu, Mustapha berkata prospek sektor pertanian untuk dekad akan datang kelihatan menjanjikan walaupun menghadapi cabaran global seperti perubahan iklim, populasi yang semakin meningkat dan kekurangan sumber.

"Sektor pertanian atau lebih tepat sektor agro makanan, terus menjadi salah satu enjin pertumbuhan penting bagi ekonomi negara. Oleh itu, dengan menceburi konsep perniagaan baharu yang melibatkan teknologi, kami percaya ini adalah merupakan cerminan bagaimana pertanian akan dijalankan pada masa hadapan dan ia perlu bermula dari sini. Amalan i4.0 mempunyai masa depan yang cerah jika bijak digunakan dalam perniagaan pertanian."

Abd Rahman berkata perkongsian itu akan membolehkan usahawan mendapat manfaat daripada rangkaian MTDC yang luas dan kerana ia akan menyediakan peluang pemasaran, rangkaian termasuk penyelesaian teknologi untuk pertanian pintar dan moden.

"Internet pelbagai Perkara (IoT) akan mengubah bagaimana kita melihat pertanian. MTDC, sebagai pemboleh strategik untuk i4.0, komited untuk membantu semua usahawan dalam penggunaan teknologi i4.0 yang dibangunkan oleh bakat dan sumber tempatan kami," tambah Abd Rahman.

Headline	Agrobank, MTDC ink MoU to accelerate IR4.0		
MediaTitle	The Malaysian Reserve		
Date	08 Apr 2021	Color	Full Color
Section	Corporate Malaysia	Circulation	12,000
Page No	6	Readership	36,000
Language	English	ArticleSize	399 cm ²
Journalist	S BIRRUNTHA	AdValue	RM 4,203
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,609



Agrobank, MTDC ink MoU to accelerate IR4.0

by S BIRRUNTHA

AGROBANK signed a memorandum of understanding (MoU) with Malaysian Technology Development Corp (MTDC) to promote entrepreneur development programme and further accelerate the Industrial Revolution 4.0 (IR4.0) technology practices in the Malaysian agriculture sector.

Agrobank chairman Datuk Mustapha Buang said the bank will provide financial funding of RM20 million for 200 entrepreneurs related to the agriculture sector identified by MTDC for the first phase of the entrepreneur development programme initiative.

Each entrepreneur will receive maximum RM100,000 funding, and technical assistance and mentorship from MTDC's technical providers.

"The outlook for the agriculture sector for the next decade appears promising despite global challenges such as climate change, growing population and scarce resources.

"Therefore, by venturing into new business concept that involves technology, we believe this is how farming shall be conducted in the future and it has to begin from here. The IR4.0 practices have a bright future if wisely applied into the agricultural businesses," he said during the signing ceremony in Putrajaya yesterday.

He said with the right guidance, this initiative will attract and encourage more young entrepre-



By Mohd Anwar Nisham

Kiandee (centre) witnessing the MoU signing ceremony between Agrobank CEO Khadijah Iskandar (second from left) and MTDC CEO Datuk Norhalim Yunus (second from right) at the MAFI in Putrajaya yesterday

neurs into the agriculture sector and making it the new source of wealth in the few years to come.

Meanwhile, MTDC chairman Tan Sri Abd Rahman Mamat said this partnership will enable entrepreneurs to benefit from MTDC's wide and extensive networks.

"This is because they will be provided with marketing and networking opportunities, and technology solutions for smart and modern farming.

"The Internet of Things will change how we view agriculture entirely. MTDC, as the strategic

enabler for IR4.0, is committed to assisting all the entrepreneurs in the adoption of IR4.0 technologies developed by our local talents and resources," he added.

The signing ceremony yesterday was also witnessed by Agriculture and Food Industries (MAFI) Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Commenting on the partnership, Kiandee said various training programmes, including knowledge-sharing events to be co-organised between the two entities, are expected to accelerate the adoption of IR4.0 technologies, especially

in the area of modern and smart farming.

"Entrepreneurs will be introduced to the usage of robots in smart farming, which will lead to better management and lower operational costs," he noted.

Under the partnership, MTDC's technical provider, Technopreneur Training Academy, is expected to provide entrepreneurship training to identified entrepreneurs.

MTDC's Centre of 9 Pillars will provide linkages to highly experienced trainers for all training and IR4.0 solution needs.

Investing in food production

WE have been talking about food security for years now, yet we are still struggling to achieve the right balance. We have launched many plans to improve food security, but sadly, our volume of food imports remains a staggering RM20bil a year.

The Agriculture and Food Industry Ministry, despite all the national agriculture policies, has not made much headway in the food security programmes, including import substitution and productivity improvements. In rice production, for example, Mardi (Malaysian Agricultural Research and Development Institute) has introduced many new varieties capable of producing higher yields and with improved resistance to disease. And yet the national average yield remains stuck at a low level.

Attempts to reduce the country's dependence on beef imports, the other major item contributing to the hefty food bill, have also been saddled with problems of management.

Much has been written by researchers in academia offering

ideas on how to strike the right chord to solve the issue once and for all. But there's been no luck so far, prompting some to say we may have been pressing the wrong buttons. We may want to look at Vietnam, a country that has successfully turned from a net importer into a big exporter of rice. Like us, Vietnam also followed a plan. But unlike us, their plan was executed well.

The Covid-19 pandemic has made resolving the food security stalemate even more urgent. It is known that some rice-exporting countries did attempt to exploit the situation last year, with some reported to have demanded a higher price. If not for our healthy rice stockpile, we would have had to pay dearly for the rice import.

It would have been worse if rice-producing countries decided to completely stop their exports. Such a situation has happened before and could happen again if domestic demand in these countries soars as a result of rising population and improved purchasing power.

We need to determine the root

cause behind the failure of our rice security plans to deliver all these years. We need to rethink our implementation strategy.

The other major items in our hefty food import bill are meat and dairy products. It has been said that we do not have the right conditions for beef or dairy cattle rearing, but scientists disagree, placing the blame on management failure instead.

Some entrepreneurs have tried rearing livestock overseas in Australia or New Zealand but have also met with failure. How do we explain the fact that our neighbour, Thailand, is faring much better?

We know Kelantan, Perlis and Kedah get their supply of cattle from South Thailand. Can we learn from the livestock farmers in Thailand then?

One aspect of food production that we are successful at is poultry farming. But even here, we depend a lot on the import of feed materials, especially corn and soy bean. This is also a problem in the cattle-rearing industry. There have been attempts to harness our own

palm kernel cake as substitute feed, but the impact has been dismal.

Food security is not just about being self-sufficient. What we should aim for is to be able to supply food which are not only affordable but also nutritious. For those that cannot grow well in the country because of climate factors, we may want to consider investing in overseas companies that supply such foods to the country. That way, we have some influence in the export of food to us in times of crisis. Without such participation, we may be at the mercy of such companies. By investing, we at least take care of the affordability part of the equation.

As for the nutritious part, we must ensure the quality as well when deciding to invest. But it is critical that the industry must be allowed to take the lead in implementing the food security plan while the government facilitates.

**PROFESSOR DATUK DR
AHMAD IBRAHIM**
Fellow Academy of Sciences
Malaysia

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2021	REVIEW BLOGSPOT.COM	ONLINE	

'CENDOLAH' MELANCARKAN MINUMAN CENDOL SEDIA MINUM YANG PERTAMA DI MALAYSIA



KUALA LUMPUR, 7 April 2021 - Syarikat tempatan berasaskan makanan dan minuman, Asia innovative F & B Sdn Bhd, tampil dengan pelancaran produk baharu khusus untuk penggemar pencuci mulut, "Cendolah", yang merupakan minuman cendol sedia diminum pertama di negara ini.

Dipilih sebagai antara 50 pencuci mulut terbaik dunia oleh CNN, cendol menempah tempat istimewa di hati dan selera rakyat Malaysia yang kerap mencari warung dan penjual di tepi jalan.

Cendolah, dengan rasa cendol yang menyegarkan diperkenalkan buat pertama kalinya dalam bentuk minuman sedia diminum dibuat menggunakan bahan-bahan utama seperti sirap karamel santan, kacang merah dan jeli tepung beras hijau untuk pengalaman yang menyenangkan.

Pengasas Asia Innovative F&B Sdn Bhd, Vathumalaai Sooratanam @ Malai, mengabdikan lebih 30 tahun hidupnya dalam inovasi makanan, seperti menganalisis, meneliti dan mencari kaedah inovatif bagi menjadikan makanan dan minuman tempatan serta pencuci mulut kegemaran mendapat akses mudah di pasaran global.

"Idea di sebalik Cendolah adalah untuk menjadikan cendol sebagai minuman yang mudah dicapai, iaitu dengan mendapatkannya di atas rak pameran jualan. Pengaplikasian teknologi makanan dan inovasi membolehkan kami mereplika rasa cendol asli dan justeru itu saya yakin bahawa Cendolah, pasti akan membawa anda kepada pengalaman kali terakhir mengunjungi penjual cendol di kawasan kejiranan tempatan," kata Malai.

Di samping jangka hayat guna selama dua (2) tahun, resipi Cendolah dikembangkan menggunakan kandungan gula yang seimbang, karbohidrat dan protein yang bertepatan sekaligus menjadi minuman kegemaran tempatan yang lebih sihat.

Berucap di majlis pelancaran tersebut, Malai juga mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan dan agensi-agensinya lain atas sokongan padu yang mereka berikan kepadanya untuk mengembangkan produk Cendolah.

"Sebagai sebuah syarikat perusahaan kecil sederhana (PKS) dengan cita-cita untuk menerajui produk tempatan ke peringkat antarabangsa, impian Cendolah hanya dapat dicapai dengan sokongan padu pelbagai agensi kerajaan termasuk MARDI, MATRADE, SMECorp, SIRIM, HDC, JAKIM, dan banyak lagi. Kami amat berbesar hati dengan kolaborasi bersama rakan kongsi ternama seperti Tateyama Japan Food Industries, yang mana kepakarannya terhadap produk membantu dalam konseptualisasi dan pengeluaran produk Cendolah," kata Malai.

"Kami amat berbangga kerana produk Cendolah diiktiraf dengan pensijilan Halal, HACCP dan MeSTI. Impian besar kami adalah untuk menerajui produk buatan tempatan ini di pasaran global, dan kami telahpun mula mencorak langkah ke arah tersebut," tambahnya.

Dengan harga runcit serendah RM4.90 sepaket, Cendolah kini boleh dibeli secara dalam talian melalui Shopee dan juga di rangkaian pasar raya terkemuka, Mydin.

Syarikat Asia Innovative F&B Sdn Bhd juga sedang giat mempelbagaikan saluran pengedaran produk Cendolah menerusi kolaborasi bersama beberapa rangkaian pasar raya, kedai serbaneka dan peruncit terkemuka di tanah air.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai Cendolah, sila layari www.cendolah.com.



Masih ada nelayan gunakan bubu naga

Kaedah diharam sejak dua tahun lalu kerana jejakkan sumber pendapatan nelayan lain

Oleh Suzalina Halid dan Noor Hidayah Tantzizi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penggunaan bubu naga yang diharamkan dua tahun lalu dikesan masih berleluasa di perairan negara khususnya di Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak dan Selangor.

Difahamkan, ribuan nelayan pesisir pantai masih lagi bergantung kepada bubu naga kerana ia tidak perlu melalui proses yang rumit untuk memasang pukot atau menunggu, sebaliknya hanya meletakkannya sementara mereka keluar ke laut.

Kebiasaannya, nelayan terbabit akan meletakkan bubu naga atau pukot sorong pada waktu malam dan kembali semula antara enam hingga 10 jam kemudian untuk memungut hasil tangkapan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Abdul Hamid Bahari, ketika mendedahkan perkara itu berkata, penggunaan bubu naga sejak 15 tahun lalu muncul semula meskipun kerajaan sudah mengharamkannya pada 2018.

"Menerusi bubu naga, anak ikan, benih anak udang dan apa saja turut serta terperangkap dan ini merosakkan ekosistem hidupan laut untuk jangka masa panjang.

"Boleh dikatakan nelayan di perairan Semenanjung masih banyak yang menggunakan bubu naga.

"Mereka cari makan dengan jalan mudah, pasang bubu kemudian tinggalkan dan datang semula untuk kutip hasil...saya berani

katakan ada puluhan ribu bubu naga di perairan kita sekarang," katanya kepada BH.

Penggunaan bubu naga diharamkan di negara ini pada 1 November 2018 kerana ia didapati menjejaskan sumber pendapatan nelayan lain.

Mereka yang ingkar boleh didakwa mengikut Seksyen 11(3)(C) Akta Perikanan 1985 yang memperuntukkan denda maksimum RM20,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Menurut Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), penggunaan bubu naga dilarang berikutan sifatnya yang tidak selektif dan boleh merosakkan ekosistem perairan.

Sementara itu, Abdul Hamid turut mendedahkan taktik baharu penggunaan bubu naga apabila nelayan menggunakan sauh dan pelampung bagi menenggelamkan pukot berkenaan bagi mengaburi pihak berkuasa.



Abdul Hamid Bahari

Katanya, NEKMAT kerap menerima aduan dan setiap tahun isu itu ditimbulkan dalam mesyuarat agung untuk diketengahkan kepada Jabatan Perikanan.

"Sudah lebih 10 usul mengenai penggunaan bubu naga ini dibawa ke pihak berkuasa.

"Kita akui Jabatan Perikanan ada membuat operasi menan-

kap sampan dan peralatan namun ia masih berleluasa," katanya.

Beliau berkata, selain aspek penguatkuasaan perlu ditingkatkan, pihaknya juga menggesa penjualan bubu naga dibanteras.

Katanya, tiada guna jika pengharaman penggunaan bubu naga ini dikuatkuasakan jika wujudnya golongan yang masih bebas menjualnya di pasaran tempatan.

"Seharusnya golongan yang menjual bubu naga ini diambil tindakan kerana selagi adanya mereka yang bebas menjual perkakas ini, selagi itu penggunaannya sukar ditangani.

"Begitu juga pihak penguat kuasa di sempadan juga harus memainkan peranan berikutan ada dalam kalangan nelayan ini sang-



Sebahagian daripada bubu riaga yang dikesan digunakan oleh nelayan tempatan bagi menangkap hasil laut.



Sebahagian hidupan laut yang terperangkap dalam bubu naga.

gup membeli bubu naga di negara jiran," katanya.

Abdul Hamid berkata, selain mengancam spesies hidupan laut dalam masa depan, tindakan tidak bertanggungjawab terbabit juga menggugat pendapatan nelayan lain.

Berdasarkan maklumat diperolehi oleh BH, bubu naga boleh diperolehi di pasaran gelap membabitkan kedai menjual alatan menangkap ikan yang berharga kira-kira RM50 untuk set lengkap.

Bagi nelayan di utara Semenanjung, difahamkan mereka turut membeli set bubu naga di negara jiran.

Berdasarkan carian di beberapa portal beli-belah dalam talian, bubu naga turut ditawarkan dengan harga serendah RM9.50 hingga RM160 mengikut saiz setiap set.



Bubu naga masih menjadi pilihan nelayan sebagai cara mudah dan murah memerangkap hasil laut.



Penggunaan bubu naga turut memerangkap anak ikan mengancam ekosistem hidupan laut.

Harga murah, kaut hasil banyak dorong penggunaan

Manjung: Harga yang murah dengan keupayaan mengaut hasil lebih banyak, mendorong nelayan sekitar Bagan Panchor dekat Pantai Remis di sini, meneruskan penggunaan bubu naga, walaupun sudah diharamkan.

Nelayan tempatan, Zamarul Azwan Zainal Abidin, 32, mengakui sedia maklum mengenai larangan penggunaan bubu naga, namun tetap menggunanya bagi menangkap udang kerana alat itu lebih murah berbanding jaring biasa.

Bellau berkata, seunit bubu naga sepanjang enam meter boleh dibeli pada harga RM58 berbanding jaring udang antara RM200 hingga RM300.

"Kami nelayan muda memang tidak mampu nak beli pukot atau bot yang harganya lebih mahal, sebab itu memilih bubu naga yang lebih murah tetapi boleh mendapatkan hasil yang agak lumayan."

"Bubu ini digunakan untuk mendapatkan udang dan sesekali dapat ketam juga tetapi ikan tidak pernah dapat. Selain harga yang murah, bubu ini juga mudah didapati di kedai sekitar pekan Pantai Remis," katanya ketika ditemui, hari ini.

Zamarul Azwan mendakwa ha-

nya melabuhkan bubu naga miliknya dalam tiga hingga empat batu nautika daripada pantai dan tidak mengganggu kawasan nelayan lain.

"Sekali letak bubu boleh dapat hasil di antara 20 hingga 100 kilogram (kg). Bubu saya juga pernah dirampas beberapa kali oleh pihak berkuasa tapi nak buat macam mana lagi, mahu beli pukot tak mampu lagi, jadi belilah bubu," katanya yang mempunyai 60 unit bubu naga.

Pengusaha bot nelayan, Faizul Sofian, 44, juga mempunyai puluhan set bubu naga yang digunakan untuk mendapatkan udang.

"Bubu ini juga mudah didapati di pasaran dengan harga yang berpatutan dan hasilnya udang boleh dapat lebih banyak gred selain ia boleh ditinggal saja di laut, kalau guna jaring udang tak boleh tinggalkan dekat laut," katanya.

Dia mendakwa, penggunaan bubu naga lebih baik berbanding pukot tunda di mana ia lebih mudah merosakkan ekosistem walaupun saiz keroncong pukot dibesarkan kerana ia akan menarik hasil di laut berbeza dengan bubu yang hanya diletakkan dalam laut untuk mendapatkan hasil.

Bagaimanapun, katanya, penggunaan bubu itu tidak dinafikan turut berisiko merosakkan sumber dan ekosistem, tetapi itu jika alat itu diletakkan di lokasi yang tidak sepatutnya seperti kawasan kurang tiga batu nautika dari pantai.

"Kami mohon kerajaan dan pihak berkaitan dapat melihat serta mengkaji semula penggunaan bubu ini supaya ia boleh digunakan di lokasi tiga batu nautika ke atas yang tidak membabitkan lokasi nelayan tradisional," katanya.

Sementara itu, Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Perak, Kepten Maritim Shahrizan Ramman, berkata pihaknya merampas 1,703 unit bubu naga sejak 2019 hingga kini dengan sembilan tangkapan di sekitar perairan perairan negeri.

Bellau berkata, lokasi rampasan itu dilakukan di Pulau Talang, Tanjung Batu, Pantai Remis, Sungai Burung, Kuala Beruas dan Tanjung Hantu.

"Kami menerima banyak aduan daripada nelayan dan di kawasan Pantai Remis dan Bagan Panchor berkenaan penggunaan bubu naga."

"Mengikut rekod, peraliran di Hilir Perak dan Kuala Kurau juga ada yang masih menggunakan bubu ini tetapi ia agak kurang berbanding di Pantai Remis dan Bagan Panchor," katanya.

Kaedah diharamkan, punca negara alami krisis bekalan ikan

Kuala Lumpur: Penggunaan bubu naga secara berleluasa boleh menyebabkan negara mengalami krisis penyusutan bekalan ikan dalam kuantiti membimbangkan pada masa depan.

Pensyarah Kanan Fakulti Perikanan dan Sains Makanan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Mohd Fazrul Hisam Abd Aziz, berkata krisis itu boleh berlaku apabila penangkapan ikan menggunakan kaedah diharamkan berterusan menjejaskan kitaran ekologi perikanan.

Keburukan penggunaan bubu naga apabila ia 'menyapu' semua hidupan laut yang bernilai dan tidak bernilai.

"Terdapat spesies hidupan laut seperti ketam nipah, ikan buntal serta sesetengah ikan berharga tinggi, namun ia tidak bernilai ketika masih kecil."

"Apabila semuanya terperangkap dalam bubu naga, ini menyebabkan kerugian jangka panjang. Spesies ini sepatutnya boleh dijual pada harga tinggi dan mendapat permintaan apabila sudah besar, namun terbuang kerana ditangkap ketika masih benih lagi dan tidak bernilai," katanya kepada BH.

Mohd Fazrul berkata, unjak atau bukaan ruang masuk bubu naga adalah sangat kecil, menyebabkan anak ikan terperangkap dan terbazir kerana tidak sempat membesar.

"Selain menjurus kepada tangkapan sampingan tidak bernilai, penggunaan bubu naga juga berisiko mengancam bekalan

ikan tempatan.

"Sebagaimana kita tahu, ikan adalah sumber protein paling murah dan mendapat permintaan tinggi kalau kita tidak jaga sumber ini dengan betul sekali juga bekalan akan merosot pada masa depan," katanya.

Bellau turut berkecuali hasil penyelidikannya berhubung penggunaan bubu naga di Teluk Pattani, Thailand.

Katanya, sebanyak 70 peratus daripada tangkapan menerusi penggunaan bubu naga adalah membabitkan tangkapan sampingan, manakala 45 peratus adalah spesies tidak bernilai.

"Ini adalah satu pembaziran yang ketara yang memberi impak kepada ekologi. Kita perlu ingat setiap spesies marin memainkan peranan apabila kitarannya diganggu, maka terjejaslah ekologi perikanan itu sendiri," katanya.

Bellau khuatir, perairan negara yang dikelilingi laut dan terdapat banyak muara sungai boleh membuka ruang kepada berleluasanya penggunaan bubu naga.

Katanya, penggunaan bubu naga sudah diharamkan kerajaan namun ia masih berleluasa kerana kurangnya kesedaran dalam kalangan komuniti.

"Bagi kelestarian sumber perikanan, perlunya ada sesi pendidikan ilmu dari semasa ke semasa membabitkan pihak berkuasa dengan golongan saasur terutama nelayan dengan menerangkan kepentingan menjaga sumber perikanan," katanya.

Selain menjurus kepada tangkapan sampingan tidak bernilai, penggunaan bubu naga juga berisiko mengancam bekalan ikan tempatan.



Dr Mohd Fazrul Hisam Abd Aziz, Pensyarah Kanan Fakulti Perikanan dan Sains Makanan UMT



Petugas Jabatan Perikanan menarik bubu naga yang ditemui dalam rondaan di perairan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Jana duit daripada projek kunyit

PONTIAN: Suami isteri menjana pendapatan stabil apabila mampu meraih antara RM2,000 hingga RM3,000 sebulan melalui perniagaan menjual benih pokok kunyit dan daun tanaman itu di pasar tani sekitar daerah ini.

Malah, Mohd. Arif Zainal, 27, dan pasangannya, Intan Nur Amalina, 30, yang turut menjual secara terus kepada orang ramai beruntung setelah mendapat sokongan daripada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Ayer Baloi.

Menurut Mohd. Arif, benih-benih pokok kunyit mendapat permintaan baik daripada pengusaha tanaman tersebut di sekitar Pontian memandangkan tidak ramai petani melibatkan diri projek penanaman seperti ini.

Kata bapa kepada dua cahaya mata itu, kerjakerja penanaman benih kunyit mudah dilakukan

"Permintaannya agak tinggi kerana bukan sahaja dalam kalangan petani, tetapi orang ramai turut menanamnya untuk kegunaan di rumah sama ada untuk memasak dan tujuan perubatan tradisional lain," katanya ketika ditemui di Kampung Parit Haji Ahmad, di sini, semalam.

Kata Mohd. Arif, selepas disemai, benih-benih kunyit itu akan mula dipindahkan ke polibeg apabila mencapai usia sebulan dan akan mula dijual dengan harga antara RM4 hingga RM5 sepokok.

"Setakat ini kami mampu menjual kira-kira 200 anak benih pokok kunyit dan lebih 30 kilogram daun kunyit dalam tempoh sebulan, pendapatan itu secara tidak langsung dapat menampung perbelanjaan.

"Kami akan meningkatkan pengeluaran dari semasa ke semasa agar dapat mengeluarkan 500 pokok sebulan selain 50 kilogram daun kunyit," katanya.

Noormalawati berjinak-jinak sertai industri perikanan



Oleh **NUR AMALINA AZMAN**

LANGKAWI – Syarikat agensi pelancongan merupakan antara perniagaan paling terkesan selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan Covid-19 sejak Mac tahun lalu.

Syarikat Ilham Langkawi Holidays Sdn. Bhd. yang beroperasi di Langkawi merupakan antara agensi pelancongan yang terkesan akibat kemerosotan kehadiran pelancong tempatan serta luar negara di pulau peranginan terkenal itu.

Statistik jumlah pelancong yang berkunjung ke Langkawi seperti dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) pada 2020 seramai 1.8 juta orang dan kebanyakannya merupakan pelancong domestik.

Jumlah pelancong tersebut berkurangan berbanding kehadiran pengunjung yang direkodkan pada tahun 2019 iaitu seramai 3.9 juta orang. Keadaan tersebut menyebabkan pengurus Ilham



Noormalawati memberitahu, dia mula menjadi Sahabat AIM dengan membuat pinjaman sebanyak RM2,000 untuk berniaga jagung di pasar malam pada 2004.

Bagaimanapun, pada 2009, dia mula membuka syarikat agensi pelancongan dan membuat pinjaman baharu sebanyak RM50,000 sebagai modal permulaan.

Katanya, industri pelancongan di Langkawi semakin rancak selepas 2010 dan dia membuat beberapa kali pinjaman sehingga jumlah keseluruhan mencecah kira-kira RM500,000.

"Saya membuat bayaran pinjaman AIM dalam jangka masa pendek, iaitu dalam tempoh tiga bulan sahaja bagi setiap pinjaman tersebut," ujarnya.

Menurut Noormalawati, pada masa ini, syarikatnya sudah mempunyai seawarak 19 buah bot bagi menawarkan perkhidmatan membawa pelancong melawat lokasi serta pulau-pulau yang menarik di sekitar Langkawi.

Bagi yang berminat untuk mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan syarikat Ilham Langkawi Holidays Sdn. Bhd. bolehlah menghubungi di talian **017-4066250**.

NOORMALAWATI menunjukkan salah sebuah bot yang digunakan untuk lawatan pulau-pulau di Langkawi baru-baru ini.

Langkawi Holidays Sdn. Bhd., Noormalawati Kassim, 46, terpaksa menceburi industri perikanan dengan membeli sebuah bot untuk menangkap ikan berharga kira-kira RM100,000 termasuk pukut dan peralatan lain.

Katanya, dia telah membuat

pinjaman daripada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) sebanyak RM30,000 pada Disember tahun lalu untuk menampung kos membeli bot tersebut.

"Saya membeli bot nelayan itu untuk membolehkan beberapa pekerja saya sebelum ini dapat bekerja dan

mempunyai pendapatan.

"Setiap hari bot tersebut dapat menangkap ikan kira-kira 500 kilogram.

"Malah hasil tangkapan itu saya jual sendiri, selain dijual kepada beberapa peraih tempatan," katanya ketika ditemui di Jeti Teluk Baru, di sini baru-baru ini.

Kaji semula projek musang king

Projek pembangunan diluluskan di hutan simpan didakwa mengakibatkan pelbagai masalah sehingga merugikan rakyat

Oleh ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR

Kerajaan Kedah digesa mengkaji semula projek pembangunan hutan yang telah diluluskan di Hutan Simpan Gunung Inas, Hutan Simpan Gunung Bongsu dan Hutan Simpan Rimba Teloi kerana didakwa mengakibatkan pelbagai masalah sehingga merugikan rakyat.

Wakil Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka) Cawangan Kedah, Mohd Sobri Ramlee berkata, kerajaan negeri wajar menjadikan projek pembangunan hutan di Hutan Simpan Bukit Enggajang yang ditanam spesies balak sebagai pengajaran.

Beliau berkata, ia selepas projek berkenaan dibantah penduduk yang mendesak menggantikan pokok *Albizia* kepada spesies asal balak.

Menurutnya, bantahan penduduk terhadap projek ladang durian musang king di Gunung Inas berasas kerana sehingga kini kesan alam sekitar terus dirasakan penduduk walaupun projek berkenaan diteroka sejak tahun 2018.

"Banjir lumpur kerap melanda kampung berdekatan menyebabkan tanaman komoditi seperti getah dan kelapa sawit yang menjadi punca pendapatan penduduk rosak akibat mendapan lumpur tebal.

"Terdapat dusun buah-buahan musnah akibat banjir lumpur selain sungai menjadi cetek kesan daripada lumpur yang menebal," katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Selasa.



Pesektaran Gunung Inas telah dibuat teres untuk menanam pokok durian musang king.



Deret-an anak pokok durian musang king yang dirakam penduduk pada November lalu.



MOHD SOBRI

Mohd Sobri berkata, sebahagian penduduk menjadikan air dari Gunung Inas sebagai punca air bersih untuk kegunaan seharian kerana belum menerima air terawat dari Syarikat Air Darul Aman (SADA).

"Bekalan air bukit musnah kesan daripada projek pembangunan hutan. Kemusnahan tempat pelancongan seperti Lata Celak yang menjadi tarikan pelancong luar dan dalam negara kerana keindahan alam sekitar dan kejernihan airnya, turut terjejas," katanya.

Akibat daripada mendapan sungai katanya, penduduk turut kehilangan sumber pendapatan sampingan apabila sejumlah hidupan akuatik turut terjejas.

"Ia termasuk penduduk yang menjadikan hasil hutan sebagai sumber pendapatan seperti herba, lebah dan sumber hutan lain. Sektor pelancongan inap desa yang diusahakan penduduk turut terjejas kerana kejernihan air dan kehijauan alam sekitar semakin terancam," katanya.

Tambah beliau, penduduk turut mengadu kelibat haiwan liar seperti gajah dan kucing hutan dari hutan berdekatan menceroboh ke kawasan kampung.

"Tanaman penduduk musnah akibat serangan gajah yang mencari sumber makanan, selain mengancam keselamatan penduduk. Ada yang trauma apabila berlakunya hujan lebat kerana air boleh naik

mendadak sekelip mata dan berlaku banjir lumpur," katanya.

Risiko banjir besar

Mohd Sobri yang juga ahli Sahabat Alam Sik (SAS) mendakwa, sekiranya projek musang king diteruskan masalah penduduk akan berlanjutan, malah menimbulkan masalah baharu.

Menurutnya, antara masalah yang akan wujud ialah kemungkinan banjir lumpur yang lebih besar akibat daripada hakisan di kawasan teres untuk ditanam durian.

"Setelah durian ditanam, berlaku pencemaran sumber air bersih akibat dari pembajaan dan racun serangga serta rumpai. Penduduk berdepan pula dengan ancaman penyakit selain hidupan akuatik dan hidupan liar terancam," katanya.

Menurutnya, masalah sungai cetek tiada penyelesaiannya sekiranya projek musang king tetap diteruskan.

"Peranan hutan sebagai pengimbang alam sekitar akan hilang, suhu akan meningkat, banjir kilat mudah berlaku, haiwan terancam makin pupus, bahkan pencemaran bahan kimia meresap ke tanah dan sumber air penduduk," katanya.

Sehubungan itu, Peka dan SAS berharap kerajaan Kedah mengkaji semula Laporan Penilaian Impak Alam Sekeliling (EIA) bagi memberi ruang kepada penduduk dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menilai apa yang dilaporkan oleh pihak pemaju.



Pusat Rekreasi Lata Celak kini tidak indah dahulu, malah airnya makin cetek dan keruh.

KRONOLOGI

21 November 2018

Kerja-kerja membuat teres di Gunung Inas giat dijalankan. Antaranya dibina rumah pekerja, sistem kumbahan yang terus disalurkan ke sungai yang menjadi bekalan air bersih 17 kampung melibatkan 21,000 penduduk. Terdapat kesan minyak mengalir ke dalam sungai serta sisa plastik tidak dilurus secara sistematik.

27 November 2018

Laporan rasmi ke Jabatan Alam Sekitar susulan banjir lumpur dibuat oleh penduduk kampung dan Peka Kedah.

3 Januari 2019

Penduduk terfobia dalam pembinaan empangan air di kompartmen 8 Gunung Inas mahu sumber minuman utama itu diselamatkan daripada pencemaran pembalakan dan projek musang king. Exco Pertanian dan Sumber Tani, Pengangkutan dan Industri Asas Tani Kedah, Azman Nasrudin memberitahu kerajaan telah arahkan pemaju perbaiki semula empangan air masyarakat yang terjejas.

31 Ogos 2019

Kira-kira 200 penduduk Kampung Sineyek, Baling menerima kesan buruk akibat projek musang king di Gunung Inas. Kerja-kerja penarahan bukit dan penebangan pokok menyebabkan banjir dari tapak projek membawa hakisan pasir dan lumpur ke kawasan penduduk setiap kali hujan lebat.

4 September 2019

Kampung Sineyek terus dilanda banjir lumpur dan pasir dari Gunung Inas yang didakwa berpunca daripada projek tanaman musang king.

8 Jun 2020

Lebih 750 keluarga di sembilan kampung dalam Mukim Kupang terdedah pencemaran air tidak bersih dipercayai berpunca dari projek musang king dan pengambilan kayu balak di Kompartmen 8, Hutan Simpan Gunung Inas. Antara kampung terjejas adalah Kampung Ibol, Masjid Ibol, Padang Empang, Kubang Katak, Bukit Kawi, Ibol Sekolah, Lata Celak, Bok Bak dan Bukit Ibol.

Julai 2020

Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor mengarahkan hentikan tanaman durian musang king dan kembali kepada tanaman dibenarkan untuk ladang hutan ganti tanah dituluskan.